

0264

U 8967 AAB
PARLIMEN - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 OKT (BERNAMA) -- DENAN RAKYAT HARI INI
DIBERITAHU BAHAWA SEMAKIN BANYAK NEGARA ASING MENSIKTIRAF DAN
BERSETUJU DENGAN HUKUMAN YANG DIKENAKAN OLEH MALAYSIA, TERMASUK
HUKUMAN MATI MANDATORI TERHADAP PENGEDAR-PENGEDAR NAJIS DADAH. .

SEHASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN DARIPADA HAJI BUJANG ULIS
(BEBAS-SIHUNJAN), PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD,
BERKATA HAMPIR SEMUA PEMIMPIN KERAJAAN YANG DITEMUINYA BERSETUJU
DENGAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA ITU DAN BERMINTA UNTUK MELAKSANAKANNYA
DI NEGARA Masing-masing.

SETAKAT INI, MAURITIUS DAN SRI LANKA TELAH MENCONTOHI
UNDANG-UNDANG MALAYSIA ITU, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK MENGANGGAP MENINUM
ARAK SEBAGAI MENGAMBIL DADAH.

SEHASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN LAIN DARIPADA ENCIK LEE LAH THYE
(DAP-BUKIT BINTANG), PERDANA MENTERI BERKATA BEBERAPA NEGARA LAIN
YANG BERMINTA TETAPI TIDAK MEMPERKENALKAN UNDANG-UNDANG ITU ADALAH
KERANA TAKUT DITENTANG OLEH GOLONGAN AKTIVIS DAN AKHBAR DI NEGARA
Masing-masing.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA UNDANG-UNDANG YANG
DIPERKENALKAN OLEH MALAYSIA ITU TELAH DAPAT MEMBENDUNG DAN
MENGURANGKAN KES-KES BARU.

-- LAGI
1633MST 18 10 88

0267

U 8972 AAB
PARLIMEN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

+AMERIKA SYARIKAT YANG MEMBELANJAKAN BERJUTA-JUTA RINGGIT DAN
MENGUNAKAN PESAWAT YANG DILENSKAPI DENGAN RADAR JUGA TIDAK DAPAT
MENGURANGKAN KES-KES YANG MELIBATKAN DADAH DI NEGARA ITU,+ KATANYA.

SEBENARNYA, PENGGUNAAN DADAH DI AMERIKA SYARIKAT SEMAKIN TINGGI
HINGSAKAN ADA YANG MEMINTA PENGGUNAANNYA DI HALALKAN, TAMBAH BELIAU.

KEPADA SOALAN ASAL YANG USA DIKEMUKAKAN OLEH ENCIK LEE LAH THYE
(DAP-BUKIT BINTANG), DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEJAK KEPEN
ANTI DADAH KEBANGSAAN DILANCARKAN PADA 1983, BILANGAN KES PENAGIH
DADAH DI NEGARA INI TELAH MENURUN IAITU DARIPADA 14,624 PADA TAHUN
1983 KEPADA 7,396 TAHUN LEPAS.

KATANYA, HASIL DARIPADA TINDAKAN TEGAS DAN AGRESIF PIHAK
BERKUASA DALAM MENGANAL PENGEDARAN DADAH DAN UNDANG-UNDANG YANG ADA,
BEKALAN DADAH HEROIN DALAM PASARAN TELAH BERKURANGAN. HARGANYA JUGA
TELAH MENINGKAT MANAKALA KETULENANNYA TELAH MENURUN.

+SINDIKET-SINDIKET DADAH ANTARABANGSA MULA MENSELAK DARIPADA
MENGUNAKAN MALAYSIA SEBAGAI NEGARA +TRANSIT+, KATA DATUK SERI DR
MAHATHIR.

-- LAGI
1639MST 18 10 88

0269

U 8973 AAB
PARLIMEN - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA SERAHAI 160 ORANG YANG DISYAKI
PENAGIH DADAH TELAH DITAHAN DALAM OPERASI YANG DIADAKAN DI KUALA
LUMPUR JULAI LEPAS.

SERAHAI 101 DARIPADA MEREKA DISAHKAN SEBAGAI PENAGIH DAN TELAH
DIMASUKKAN KE PUSAT-PUSAT PEMULIHAN DADAH.

BERIKUTAN OPERASI ITU, BILANGAN ORANG YANG DISYAKI MENAGIH DADAH
DI TEMPAT-TEMPAT ANAH TELAH BERKURANGAN, KATA PERDANA MENTERI. --
BERNAMA

1643MST 18 10 88